

Malaysia dihormati kerana politik stabil

PASIR MAS: Malaysia terus mendapat kejayaan di peringkat antarabangsa apabila berjaya memaksa negara maju menerima pandangan kerajaan di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Kependudukan dan Pembangunan (ICPD), di Kaherah baru-baru ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kejayaan itu tidak mungkin dicapai jika Malaysia tidak maju dan politiknya tidak stabil. Dalam persidangan itu, negara maju mengemukakan pendapat mereka dan memaksa negara miskin menerimanya.

"Tujuan mereka ialah supaya negara miskin tidak menjadi kaya dan tidak mempunyai penduduk terlalu ramai. Mereka khuatir kalau negara miskin mempunyai ramai penduduk, ia akan mengancam kedudukan mereka.

"Justeru itu, mereka membuat pelbagai cadangan bagi memastikan ne-

gara seperti Malaysia tidak dapat bilangan penduduk yang ramai dan terus miskin supaya kita tidak dapat mencabar mereka," katanya berucap di majlis Pemimpin Bersama Rakyat sempena Larian Antarabangsa Pasir Mas 1994, di Sekolah Menengah Sultan Ibrahim II, di sini semalam.

Di majlis itu, Pengerusi Yayasan Pasir Mas, Ibrahim Ali mewakili rakyat Kelantan menyampaikan gelaran 'Adi Jagat Wira Keadilan Dunia' kepada Perdana Menteri, Dr Mahathir dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali juga menerima lukisan potret masing-masing.

Dalam persidangan itu, Malaysia bersama beberapa negara Islam berjaya memaksa negara maju meminda Dokumen Kaherah yang antaranya membenarkan pengguguran sebagai salah satu perkhidmatan asas perubatan kepada wanita yang tidak mahukan anak, termasuk mereka yang

hamil di luar nikah.

Perdana Menteri berkata, negara Barat menyesuaikan pandangan mereka untuk menghapuskan institusi keluarga dan perkahwinan serta memberi kebebasan kepada semua orang berbuat apa saja yang mereka suka walaupun yang tidak bermoral.

"Sebaliknya kita menegaskan bahawa kehendak agama mesti dipatuhi dan tidak ada siapa berhak melarang orang lain yang menganut agama dan tidak mahu menerima cara-cara mereka," katanya.

Menurutnya, negara Barat sekarang tidak lagi mempunyai institusi perkahwinan dan keadaan bersekedudukan tanpa nikah di kalangan rakyatnya adalah perkara biasa.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, penyertaan Malaysia di persidangan itu memaksa negara maju tunduk kepada pendapat negara ini. Malah, semua sembilan syarat yang dikemukakan Malaysia di persidangan diterima sebulat suara.

"Ini adalah satu kejayaan besar yang mana kalau tidak kerana kita mampu menyuarakan pendapat kita, jika tidak kerana negara kita maju dan politik stabil, sudah tentu tidak mungkin kita menyuarakan pendapat kita yang dipatuhi dan diterima oleh masyarakat antarabangsa," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia dapat menyuarakan pendapatnya di peringkat antarabangsa kerana politiknya stabil dan tidak ada huru-hara seperti berlaku di negara lain.

"Inilah kebaikan sistem pemerintahan yang dibawa Umno melalui Barisan Nasional (BN) dan Perikatan. Kita mahu buktikan kepada seluruh dunia dan rakyat negara ini bahawa pemerintahan yang diterajui oleh orang Islam adalah adil.

"Jika sesebuah negara itu miskin, ia akan ditindas negara kaya, terutama yang meminta bantuan daripada mereka," katanya.